

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 10/10/2007

'Saya mahu jadi doktor macam Dr. Mahathir'

Oleh SHARIZA ABDULLAH

ALOR STAR 9 Okt. - "Dua tahun lalu saya tiba di Malaysia untuk berjumpa dengan Pak Mahathir (Tun Dr. Mahathir Mohamad).

"Saya tidak sangka akan sampai di negara ini sekali lagi. Tetapi kedatangan saya pada kali ini jauh berbeza. Saya akan tinggal di sini, bersekolah di sini dan mempunyai kawan-kawan baru di sini. Bantulah saya menempuh kehidupan baru di Malaysia."

Begitulah kata-kata Mahathir Mohamad, 11, anak yatim piatu bertuah yang diperkenalkan oleh *Utusan Malaysia* kepada Dr. Mahathir kira-kira dua tahun lalu sebaik menjejakkan kaki di Asrama Albukhary di Jalan Langgar, di sini petang ini.

Mengikut perancangan, kanak-kanak yang memiliki nama yang sama dengan bekas Perdana Menteri itu akan tinggal di asrama tersebut bersama 51 lagi penghuninya sehingga berusia 18 tahun.

Dia akan membesar bersama kawan-kawan barunya itu di asrama berkenaan dan akan bersekolah di sini atas biaya Yayasan Albukhary.

Mahathir tiba di asrama tersebut kira-kira pukul 6.30 petang dengan menaiki sebuah kereta dari Lapangan Terbang Bayan Lepas, Pulau Pinang selepas terbang dari Medan, Indonesia bersama pengurus Panti Asuhan Al-Wasliyah di Desa Mu-

dik, Nias, Juharman Harefa serta Pegawai Tadbir Impian Mulia Sd. Bhd., Mohd. Norlizan Ali.

Turut mengiringi Mahathir dari lapangan terbang berkenaan ialah dua Eksekutif Pengurusan Kompleks Albukhary iaitu Abdul Rahman Yaacob dan Abdul Hak Abdul Hamid.

Ketibaan Mahathir di asrama yang menempatkan anak-anak yatim itu disambut oleh kira-kira 30 penghuni lelakinya sebelum dia dibawa ke bilik pentadbiran untuk urusan pendaftaran.

Dia kemudian menyertai penghuni-penghuni lain untuk berbuka puasa di kantin asrama berkenaan.

Ketika ditanya wartawan apakah cita-citanya apabila besar nanti, kanak-kanak itu menjawab dia mahu menjadi doktor seperti idolanya, Dr. Mahathir.

Meskipun dia kelihatan agak teruja dengan sambutan yang diberikan kepadanya setelah tiba di situ, namun masih terpancar di wajahnya yang merindui dia membesar - Pulau Nias.

"Inilah kali pertama Mahathir berbuka puasa di Malaysia dalam keadaan serba asing dan baru baginya.

"Mungkin dia masih belum dapat menyesuaikan diri dan masih kuat teringatkan rakan-rakannya di Nias," kata Juharman apabila diaju pertanyaan mengapa Mahathir kelihatan mendiamkan diri dan agak bersedih.

Menurutnya, 1 Syawal yang bakal disambut beberapa hari lagi juga merupakan Hari Raya Aidilfitri pertama kanak-kanak itu meraikannya tanpa abang, kakak dan adik-adik yang senasib dengannya di Panti Asuhan Al-Wasliyah.

Katanya, kedatangan kanak-kanak comel itu ke Malaysia berikutan hasrat Dr. Mahathir yang ingin melihat dia tinggal dan bersekolah di negara ini.

Sementara itu, Abdul Rahman ketika ditanya di mana Mahathir akan bersekolah, dia memberitahu, perkara tersebut akan diputuskan oleh Jabatan Pendidikan Negeri setelah segala latar belakang pendidikan kanak-kanak itu di negaranya sebelum ini diteliti oleh jabatan tersebut.

Kisah Mahathir yang menjadi mangsa gempa bumi di Pulau Nias yang terletak di barat Sumatera kira-kira dua tahun lalu mendapat perhatian umum apabila dia diterbangkan ke negara ini berikutan laporan eksklusif *Utusan Malaysia* mengenai keinginannya untuk berjumpa Dr. Mahathir.

Kanak-kanak itu diberi nama Mahathir oleh bapa angkatnya yang kagum dengan kepimpinan bekas Dr. Mahathir sehingga mendapat pengiktirafan dunia.

Impiannya untuk bertentang mata dengan bekas Perdana Menteri itu menjadi kenyataan apabila kedua-dua Mahathir tersebut bertemu pada 15 April 2005.

mm-10/10/2007